

Syaaban, bulan perbaiki diri jadi insan cemerlang

Perbanyakkan amal jariah, latih diri puasa sunat sebagai persiapan hadapi Ramadan

Nik Salida Shuhaila

salidasuhaila99@yahoo.com



SYAABAN yang akan bertandang adalah bulan penuh keberkatan dan menyediakan peluang seluas-luasnya untuk kita melakukan kebajikan dengan memperbanyakkan amal ibadat kepada Allah SWT serta perbuatan baik sesama insan.

Setiap umat Islam tidak sewajarnya meninggalkan Syaaban tanpa menghayati dan menghargai kelebihanannya, sebaliknya patut menjadikan Syaaban sebagai bulan percubaan membaiki diri menjadi insan cemerlang sebelum tibanya Ramadan.

Sebahagian ahli hikmah pernah berkata: "Sesungguhnya bulan Rejab adalah kesempatan untuk minta ampun daripada segala dosa, bulan Syaaban adalah kesempatan untuk memperbaiki diri daripada segala macam cela dan pada bulan Ramadan adalah masa untuk menerangkan hati dan jiwa."

Selain menggandakan puasa sunat seperti mana diamalkan Rasulullah SAW, pada bulan Syaaban kita patut banyak berdoa terutama pada malam Nisfu Syaaban, malam paling mustajab doa dipanjatkan ke hadirat Allah SWT.

Malam itu juga malam pengampunan, seperti disebut dalam hadis diriwayatkan Imam Ibnu Majah yang mafhumnya: "Dari Yahya ibni Abi Khasir, dari Irwah dari Aisyah berkata: Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah SWT menurunkan rahmat-Nya (memakbulkan doa) pada malam Nisfu Syaaban ke langit bawah (langit dunia), maka Allah SWT mengampunkan hamba-Nya lebih banyak bilangannya daripada bulu kambing Kabilah Bani Kalib."

Mutakhir ini, umat Islam diuji dengan pelbagai peyakit jiwa yang berjangkit dan merebak disebabkan tipu daya dunia serta isinya. Di kala insan lain berusaha dan berdoa siang malam untuk memperoleh zuriat, ada pula yang dianugerahkan Allah cahaya mata lalu dibuang bagai sampah.

Lebih daripada itu, ada yang mengambil kesempatan menjadikan bayi tidak berdosa sebagai barang jualan sehingga mengetepikan asal usul agama dan keturunan yang sudah tentu memporakperandakan nasabnya kelak.

Tidak cukup dengan itu, sebilangan umat Islam mementingkan diri sendiri melampaui kepentingan ummah dan agama. Kesepaduan tidak mampu dibina meskipun berkongsi iktikad yang sama.

Perselisihan yang sedikit menjadi pemisah yang kebal, sehingga tiada

apa pun mampu menjadi penyambung, justeru, silaturahmi sebagai saudara seagama tidak lagi menjadi sebab untuk mengukuhkan serta menguatkan Islam dan suruhannya.

Maka, banyak permasalahan umat tidak mampu ditangani sebaik-baiknya. Keutamaan membina semula sosial yang runtuh kerana silap kita sendiri tidak pula menjadi pilihan, sebaliknya kita rakus mengejar dunia dan isinya.

Daripada sekecil-kecil peranan wali dalam setiap keluarga sehingga sebesar-besar amanah sebagai pemim-

PETIKAN HADIS



Sesungguhnya Allah SWT menurunkan rahmat-Nya (memakbulkan doa) pada malam Nisfu Syaaban ke langit bawah (langit dunia), maka Allah SWT mengampunkan hamba-Nya lebih banyak bilangan daripada bulu kambing Kabilah Bani Kalib

Riwayat Imam Ibnu Majah

pin negara, tiada apa yang mampu mengubah setiap insan menjadi lebih baik jika jiwa tidak diisi roh dari kalam-Nya.

Sebagai persediaan menghadapi Ramadan yang menguji kesabaran dan keimanan, sewajarnya Syaaban bakal datang dijadikan percubaan membaiki diri supaya menjadi insan cemerlang, lebih baik dari tahun sebelumnya.

Jika pada Ramadan umat Islam wajib berpuasa sebulan lamanya, maka Syaaban diperbanyakkan amalan puasa sunat, lebih daripada kebiasaan. Kesempatan ini juga patut diambil untuk melatih anak berpuasa sebelum Ramadan, bukan melatih berpuasa pada waktu mereka wajib berbuat demikian.

Begitu juga amalan sunat lain seperti bersedekah dan solat sunat. Syaaban yang penuh rahmat jangan dibiarkan pergi tanpa memanfaatkan isinya semaksimum mungkin. Tambahan pula, di ambang Ramadan, umat Islam mula membuat persiapan menyambut Aidilfitri, termasuklah mereka yang tidak bernasib baik.

Amalan bersedekah sedikit sebanyak meringankan beban golongan susah dan mengharapkan bantuan yang berkemampuan, sekarang-kurangnya apabila datangnya Ramadan, mereka sudah mampu mengukir senyum serta menunaikan ibadat wajib dengan hati tenang.

Qiamullail dan solat sunat di malam hari juga adalah rutin umat Islam sepanjang Ramadan yang janggal jika ditinggalkan. Namun, ia sukar dilaksanakan kerana umat Islam di negara kita tidak begitu teruja memeriahkan masjid di waktu malam dengan amalan solat sunat seperti di Haramain.

Ada kala amalan ini hanya banyak dilakukan di penghujung Ramadan, setelah umat Islam mula merasai momentum bulan mulia itu sedangkan Syawal sudah hampir bertandang. Maka Ramadan berlalu lagi tanpa sempat beribadah sepuas-puasnya.

Justeru, menjadikan Syaaban sebagai percubaan menghadapi Ramadan yang bakal menjelma sedikit masa lagi adalah sebaik-baik tradisi perlu dicituskan setiap umat Islam. Waktu inilah, kita perlu lupakan segala sengketa dan sejarah silam yang tidak memberi kebaikan kepada sesama manusia.

Bersatu padu di bawah panji agama, perbanyak amalan sunat serta sentiasa berdoa serta merapatkan diri dengan Yang Maha Pencipta supaya kita-tidak terpinggir daripada golongan yang sentiasa mendapat perhatian dan kasih sayang-Nya.

Penulis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia